

12/09/1997

Mahathir gembira perubahan Kyrgyz

BISHKEK, Khamis - Malaysia percaya ia boleh bekerjasama dan memberi sumbangan lebih bermakna ke arah mewujudkan sebuah pasaran ekonomi yang benar-benar bebas di Republik Kyrgyz, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang gembira dengan perubahan Republik Kyrgyz selepas setahun mengadakan lawatan ke sini, berkata perubahan yang berlaku adalah petunjuk jelas bahawa republik ini sedang bergerak ke arah pasaran ekonomi terbuka.

Berucap di majlis makan malam meraikan lawatan beliau ke sini oleh Presiden Kyrgyz, Askar Akayev, Dr Mahathir mengatakan kekagumannya dengan semangat serta langkah yang diambil dalam usaha mengglobalisasikan ekonomi Kyrgyz.

Dr Mahathir juga dalam ucapannya berharap delegasi sektor swasta Malaysia akan dapat mewujudkan hubungan kukuh dengan rakan niaga di sini, khususnya di bidang berkaitan pelancongan, perlombongan dan pembangunan infrastruktur.

Perdana Menteri tiba di sini, petang tadi bagi lawatan kerja tiga hari ke Republik Kyrgyz. Beliau dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hashmah Ali tiba di sini menaiki pesawat khas dari Mongolia di mana beliau mengadakan lawatan rasmi empat hari ke negara itu.

Turut menyertai rombongan itu ialah beberapa menteri Kabinet dan lebih 60 ahli perniagaan Malaysia.

Dalam rangka lawatan kerjanya ke sini, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Akayev dan menyerahkan laporan ekonomi yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia bagi Republik Kyrgyz.

Laporan itu adalah yang pertama disediakan oleh Kerajaan Malaysia bagi sebuah negara asing.

Perdana Menteri dan Akayev juga akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi di antara Unit Perancang Ekonomi Malaysia dan Kementerian Kewangan Republik Kyrgyz.

(END)